



10 APR, 2025

Penduduk bimbang pencawang elektrik berhampiran cerun

Sinar Harian, Malaysia



Pihak berkuasa segera ambil langkah pasang pagar, bina konkrit penahan

Oleh NURATIKAH ATHILYAH HASAN
JOHOR BAHRU

Penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Bairduri, Ulu Tiram di sini melahirkan kebimbangan terhadap kedudukan pencawang elektrik yang terletak di kaki cerun, berhampiran kawasan perumahan tersebut.

Pengerusi Badan Pengurusan Seri Bairduri, Mohd Kamarulzaman Azizan berkata, itu mula mendapat perhatian selepas beberapa penduduk memuat naik gambar dan video pencawang itu ke media sosial.

"Bila gambar tular di Facebook, memang ramai yang mula bimbang. Tambahan pula berlaku tragedi di Putra Heights, Subang Jaya, jadi penduduk risau perkara buruk boleh berlaku di sini."

"Kedudukannya nampak sangat dekat dengan cerun. Kami risau jika berlaku tanah runtuh atau cerun mendap, lebih-lebih

lagi bila hujan lebat," katanya.

Belialu berkata demikian ketika sidang akbar selepas lawatan oleh Ahli Parlimen Tebrau, Jimmy Puah Wee Tse ke lokasi pencawang berkenaan pada Rabu.

Mengulas lanjut, Mohd Kamarulzaman berkata, dia mengharap kehirianan Jimmy Puah yang segera turun padang bersama turun padang bersama pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB), Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan pemaju bagi meninjau keadaan di kawasan berkenaan.

"Kami tak sangka tindakan diambil begitu cepat. Wakil YB (Yang Berhormat) hubungi kami dan terus atur lawatan. Bila tengok sendiri, kami sedikit lega kerana jaraknya 25 meter dari cerun iaitu lima meter lebih jauh



MOHD KAMARULZAMAN
JIMMY PUAH

cerun.

"Bagaimanapun, langkah susulan tetap perlu diambil bagi memastikan keselamatan jangka panjang," ujarnya.

Sementara itu, Jimmy Puah berkata, penduduk di kawasan itu tidak perlu bimbang berkaitan kedudukan pencawang elektrik tersebut kerana jaraknya melebihi had minimum yang ditetapkan Suruhanjaya Tenaga.

Menurutnya, berdasarkan lawatan bersama pihak TNB, MBJB dan pemaju, pencawang tersebut terletak sejauh 25 meter dari cerun iaitu lima meter lebih jauh

daripada had minimum 20 meter.

"Video yang tular itu diambil dari sudut yang membuatkan pencawang nampak terlalu hampir dengan tebing. Tapi sebenarnya, jaraknya lebih

Jimmy Puah (tiga dari kiri) monitau lokasi pencawang elektrik berhampiran tapak pembinaan perumahan di jalan Tiram, Johor Bahru pada Rabu.



selamat daripada apa yang digambarkan.

"Namun, langkah keselamatan tetap diambil termasuk pemasangan pagar keselamatan dan pembinaan struktur pe-

nahan konkrit dalam masa terdekat.

"Pemaju telah diarahkan untuk mulakan kerja minggu ini juga dan dijangka siap dalam enam minggu," jelasnya.